

Wan Saiful dakwa Muhyiddin 'sorok' surat diutus PAS

Kuala Lumpur: Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Wan Saiful Wan Jan mendakwa Tan Sri Muhyiddin Yassin cuba menyembunyikan surat diutus PAS, selepas Presiden BERSATU itu meletak jawatan Pengerusi Perikatan Nasional (PN).

Wan Saiful berkata, tindakan itu dipercayai untuk memberi ruang kepada penyokong Muhyiddin melobi parti komponen PN supaya menolak peletakan jawatan Ahli Parlimen Pagoh itu.

Bekas Ahli Majlis Pimpinan Tertinggi BERSATU itu mendakwa surat berkenaan diutus kepada Muhyiddin untuk mengucapkan terima kasih atas jasa beliau sebagai Pengerusi PN, sebelum ini.

“Surat ini secara prinsipnya boleh difahami sebagai penerimaan PAS akan peletakan jawa-

tan Muhyiddin sebagai Pengerusi PN itu.

“Mungkinkah penyokong tegar keliling Muhyiddin menasihatkan surat ini disembunyikan sementara bagi memberi ruang mereka melobi parti komponen (PN) supaya menolak peletakan jawatan Muhyiddin?” katanya dalam kenyataan semalam.

Sebelum ini, Muhyiddin mengumumkan meletak jawatan Pengerusi PN berkuat kuasa 1 Januari lalu, selepas lima tahun mengetuai gabungan itu.

Berikutan itu, timbul pelbagai spekulasi calon akan menerajui PN dan antara nama disebut ialah Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang dan Menteri Besar Terengganu yang juga Naib Presiden PAS, Datuk Seri Dr Ahmad Samsuri Mokhtar.

Wan Saiful turut melontar pertanyaan jika Muhyiddin akan

mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi PN akan datang yang dikatakan penting bagi masa depan pembangkang di negara ini.

Bekas Ketua Penerangan BERSATU itu antara lain memersoal keabsahan mesyuarat Majlis Tertinggi PN yang akan mengesahkan peletakan jawatan Pengerusi, selaras perlembagaan gabungan itu, jika ia dipengerusikan Muhyiddin.

Katanya, Muhyiddin tidak sesuai mempengerusikan mesyuarat itu memandangkan agenda akan membincangkan peletakan jawatan beliau, selain tidak menolak berlaku percanggahan kepentingan.

“Majlis Tertinggi PN dijangka bermesyuarat tidak lama lagi. Sudah pasti agenda utama ialah pengganti Muhyiddin selepas beliau umum mahu meletak jawa-

tannya bermula 1 Januari lalu.

“Jadi, mengesahkan peletakan jawatan Pengerusi harus menjadi agenda pertama mesyuarat Majlis Tertinggi PN akan datang.

“Timbul persoalan adakah Muhyiddin boleh hadir mempengerusikan mesyuarat itu?”

“Sebenarnya Majlis Tertinggi PN boleh memilih seorang Timbalan Pengerusi untuk mempengerusi perbincangan itu,” katanya yang dipecat keanggotaannya pada Oktober lalu.

Wan Saiful berkata, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali dan Datuk Dr Radzi Jidin juga tidak boleh menghadiri mesyuarat itu selepas masing-masing meletak jawatan Setiausaha Agung PN dan Ketua Penerangan PN.

Katanya, peletakan jawatan selain Pengerusi PN tidak memerlukan pengesahan Majlis Tertinggi gabungan itu dan tempoh kuat

kuasa mengikut tarikh peletakan jawatan yang dipersetujui.

“Jika Muhyiddin masih mahu hadir, apabila peletakan jawatan (beliau) disahkan, Muhyiddin perlu meninggalkan mesyuarat sebelum masuk agenda kedua.

“Lebih baik bagi Timbalan Setiausaha Agung mengeluarkan notis panggilan mesyuarat tanpa menjemput Mohamed Azmin dan Radzi,” katanya.

Wan Saiful berharap Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (RoS) dapat memastikan dan memantau mesyuarat itu mematuhi prosedur ditetapkan.

“Mereka (penyokong) *desperate* (terdesak) mahu Muhyiddin kekal. Oleh itu, hari ini saya menghantar surat rasmi kepada Ketua Pengarah RoS, Datuk Mohd Zulfikar Ahmad supaya memastikan mesyuarat mematuhi prosedur,” katanya.